

11 NOV 1997

Abdullah-Macedonia (Bergambar)

M'SIA DAN MACEDONIA TANDATANGAN DUA PERJANJIAN

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Malaysia dan Macedonia hari ini menandatangani dua perjanjian mengenai perdagangan dan jaminan pelaburan untuk meluaskan lagi perdagangan dua hala dan kerjasama perindustrian dan ekonomi.

Perjanjian mengenai perdagangan ditandatangani oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Ekonomi Macedonia Boris Rikalovski.

Rafidah juga menandatangani perjanjian mengenai jaminan pelaburan, dengan Menteri Luar Macedonia Dr Blagoj Handziski.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Macedonia Kiro Gligorov menyaksikan upacara itu di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Keua-dua pemimpin itu juga mengadakan perbincangan selama sejam mengenai pelbagai isu dua hala dalam bidang politik, ekonomi dan perdagangan.

Gligorov, yang mengetuai delegasi dengan 46 anggota termasuk menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan, tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi empat hari.

"Kita diberitahu bahawa seorang pegawai Matrade telah dikenal pasti untuk membantu mereka dalam hal ini," katanya.

Abdullah berkata kedua-dua pemimpin juga bersependapat bahawa bidang pelancongan juga boleh dijadikan asas kerjasama antara kedua-dua negara.

Mengenai politik, beliau berkata Gligorov telah memberi penerangan mengenai perkembangan di Wilayah Balkan termasuk usaha yang sedang dijalankan bagi menjalin perhubungan dengan negara-negara jiran, khususnya negara-negara bekas Yugoslavia.

"Gligorov juga memberitahu Dr Mahathir mengenai usaha yang sedang dilakukan bagi mewujudkan kawasan perdagangan bebas di wilayah itu yang akan menjadi pasaran yang baik bagi ahli perniagaan, termasuk dari luar.

Sementara itu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam satu kenyataan hari ini berkata dengan penandatanganan perjanjian itu, Malaysia sehingga ini telah menandatangani 53 perjanjian perdagangan dan 57 perjanjian jaminan pelaburan.

Perjanjian perdagangan itu merangkumi pelbagai langkah untuk melicinkan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara.

Ini termasuk saling memberi layanan sebagai "Negara Terpilih" antara satu sama lain dalam perkara berkaitan dengan duti kastam dan urusan perdagangan luar, menubuh Jawatankuasa Perdagangan Bersama untuk membincangkan langkah bagi meningkatkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyertaan satu sama lain pada pesta perdagangan atau pameran, antaranya pengecualian duti kastam dan bayaran lain bagi contoh barangan yang dibawa untuk pameran dan pesta itu.

Mengenai perjanjian jaminan pelaburan itu, kedua-dua pihak bersetuju bahawa pelaburan oleh pelabur dari kedua-dua negara itu akan diberikan layanan yang adil dan saksama.

Perdagangan antara Malaysia dan Macedonia tahun lepas berjumlah RM237,000.

Eksport Malaysia yang sebahagian besarnya terdiri daripada pakaian, berjumlah RM27,000 manakala import dari Macedonia berjumlah RM210,000 terutamanya barangan tembakau. -- BERNAMA

RA NMO